



# WAQAF MAIPk

مجلس اسلام  
دان عادت ملايو فيراق

EDISI KEDUA 2016 | BIL. KEDUA PULUH

## SUMBANGAN **WAQAF PERAK AR-RIDZUAN** BERJUMLAH RM 10.8 JUTA



PENYERAHAN  
VAN WAKAF  
OLEH YANG DIPERTUA MAIPk

MASJID TERIMA  
**DANA WAQAF**  
PERAK AR-RIDZUAN

# SIDANG REDAKSI

## PENASIHAT

YBRS. DR. AMIRUDDIN BIN MUHAMED

## KETUA EDITOR

EN. WAN ABDUL HALIM HAFIIDZ BIN MOHD AMIN

## EDITOR

EN. MOHD YAKOP BIN IKRAM

EN. SHAMSUL ANUAR BIN ZAKARIA

## JURUFOTO

EN. MOHAMAD RAZIF BIN RAZALI

EN. AMIRULKHALID BIN AHMAD

## EDARAN

UNIT PERHUBUNGAN KORPORAT

Diterbitkan Oleh :

Unit Perhubungan Korporat  
Majlis Agama Islam Dan 'Adat Melayu Perak  
Tingkat 1, Kompleks Islam Darul Ridzuan  
30000 Ipoh, Perak.

TEL : 05-2084000

FAKS : 05-2414257

LAMAN WEB : [www.maiamp.gov.my](http://www.maiamp.gov.my)

<https://wakafperak.maiamp.gov.my>

EMEL : korporat@maiamp.gov.my

FACEBOOK : Zakat Perak – MAIPk

Majlis Agama Islam Dan 'Adat Melayu Perak Hak Cipta Terpelihara. Tidak Dibenarkan Mengeluar Ulang Mana-Mana Bahagian Artikel, Ilustrasi Dan Isi Kandungan Buku Ini Dalam Apa Jua Bentuk Dan Dengan Cara Apa Jua Sama Ada Secara Elektronik, Fotokopi, Mekanik, Rakaman Atau Cara Lain, Sebelum Mendapat Keizinan Bertulis Daripada Majlis Agama Islam Dan 'Adat Melayu Perak.

# DARI MEJA KETUA EDITOR

Assalamualaikum wbt dan Salam  
Sejahtera.

Alhamdulillah, dipanjatkan rasa syukur dan terima kasih kehadiran llahi, kerana dengan limpah kurniaNya kita masih diberikan peluang untuk terus beribadah kepadaNya. Salam dan selawat kepada Rasulullah SAW, keluarga Baginda, para sahabat dan umat Islam yang sudah meninggal dunia atau masih hidup lagi.



Umat Islam menyambut Hari Raya 'Aidil Adha yang turut dikenali dengan hari raya korban atau hari raya haji. Terdapat tiga tokoh besar yang berkaitan dengan peristiwa ini. Tokoh pertama iaitu Nabi Ibrahim yang merupakan salah satu rasul ulul azmi. Tokoh kedua ialah Nabi Ismail yang dijadikan korban kepada Allah Taala. Manakala tokoh ketiga ialah Siti Hajar yang merupakan bonda kepada Nabi Ismail.

Sambutan Hari Raya 'Aidil Adha tidak akan terpisah dengan golongan fakir dan miskin. Sambutan ini menyuburkan semangat kepedulian dan solidariti umat Islam terhadap golongan fakir dan miskin. Binatang ternakan yang terbaik dijadikan binatang korban. Daging-daging korban diagih-agihkan kepada golongan fakir dan miskin yang memerlukannya.

Hadis daripada Ali Bin Abu Thalib yang bermaksud,

*"Rasulullah saw. memerintahkan kepadaku untuk menguruskan haiwan korbannya, membahagi-bahagikan dagingnya, kulit dan pakaianya kepada orang-orang miskin, dan aku tidak diperbolehkan memberi sesuatu apapun daripada haiwan korban (sebagai upah) kepada penyembelihnya."*

Sambutan Hari Raya 'Aidiladha menguji manusia yang secara fitrahnya memiliki sikap pentingkan diri atau individualistik. Sikap ini menyebabkan manusia tidak mempedulikan keadaan makan dan minum, tempat tinggal, pakaian dan sebagainya yang dimiliki oleh golongan fakir dan miskin yang berada di sekitarnya. Sesungguhnya ajaran Islam mengandungi semangat kepedulian dan solidariti ummah. Sambutan Hari Raya 'Aidiladha merupakan manifestasi semangat-semangat tersebut untuk dihayati bersama.

Marilah kita bersama-sama menghayati semangat kepedulian dan solidariti ummah khususnya untuk golongan fakir dan miskin. Korban yang dilaksanakan menggunakan harta-harta yang kita miliki terus menyantuni golongan fakir dan miskin. Amat besar ganjaran yang disediakan oleh Allah Taala kepada umat Islam yang sanggup berkorban demi ummah di dunia dan akhirat. Sesungguhnya, janji Allah itu benar.

Sekian, terima kasih.

WAN ABDUL HALIM HAFIIDZ BIN MOHD AMIN

# Kandungan

## EDITORIAL

2

## SEMASA

3-14

## BERITA SANA SINI

15



# PENYERAHAN ZAKAT PERNIAGAAN KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA PADUKA SERI SULTAN PERAK DARUL RIDZUAN

## Penyerahan Zakat Berjumlah RM4.70 Juta

09 Jun 2016



## Penyerahan Zakat Berjumlah RM5.53 Juta

25 Jun 2016



## Penyerahan Zakat Berjumlah RM5.84 Juta

30 Jun 2016



## PENGAGIHAN BANTUAN HARI RAYA AIDILFITRI 1437H OLEH KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA PADUKA SERI SULTAN PERAK DARUL RIDZUAN

DAERAH SLIM RIVER ▶ 16 JUN 2016



DAERAH MANJUNG ▶ 19 JUN 2016



DAERAH KINTA ▶ 21 JUN 2016



DAERAH BATANG PADANG ▶ 26 JUN 2016





## MAJLIS PELANCARAN WAQAF PERAK AR-RIDZUAN (WPAR)

IPOH – Majlis Agama Islam dan ‘Adat Melayu Perak (MAIPk) telah mengadakan satu majlis pelancaran Waqaf Perak Ar-Ridzuan (WPAR) di Bangunan Perak Darul Ridzuan pada 07 April 2016. Majlis ini telah disempurnakan oleh Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah Ibni Almarhum Sultan Azlan Muhibbuddin Shah Al-Maghfur-Lah. Majlis ini turut dihadiri oleh YAB. Menteri Besar Perak, Ahli-Ahli Mesyuarat Kerajaan Negeri Perak, Yang Dipertua MAIPk, Ketua Pegawai Eksekutif MAIPk, serta ketua-ketua jabatan awam dan swasta.

WPAR diwujudkan bagi menyediakan saluran sah untuk individu serta mana-mana organisasi berwakaf melalui MAIPk. Pewujudan WPAR merancakkan pembangunan sosio-ekonomi umat Islam di Negeri Perak. Terdapat empat bidang utama yang dilaksanakan menerusi WPAR iaitu keagamaan, ekonomi, kesihatan dan pendidikan. Sumbangan menerusi WPAR akan melibatkan projek dan program seperti wakaf pembangunan asrama pelajar di Universiti Sultan Azlan Shah (USAS) Kuala Kangsar, wakaf pembangunan dan perkembangan ilmu Al-Quran di



Negeri Perak, wakaf bagi pembinaan pusat hemodialisis wakaf, wakaf pembinaan Waqaf Business Centre (WBC), wakaf program MUMTAZ, wakaf bot dan wakaf tunai.

Dalam majlis ini, sejumlah RM10.8 juta berjaya dikumpul daripada individu dan organisasi. Sumbangan ini terdiri daripada Maybank Islamic RM10 juta, Perbadanan Menteri Besar Perak RM100 ribu, Perbadanan Setiausaha Kerajaan Negeri Perak RM100 ribu, Perbadanan Kemajuan Negeri Perak RM100 ribu, Perbadanan Pembangunan Pertanian Negeri Perak RM100 ribu, Lembaga Air Perak RM100 ribu, Tuan Hj Yahya Bin Toot (persendirian) RM300 ribu, UDA Holdings RM20 ribu dan Koperasi Peserta-Peserta Rancangan FELCRA Seberang Perak RM19 ribu.

## MAJLIS PENYERAHAN VAN WAKAF MAIPk KEPADА SEKOLAH AGAMA RAKYAT ORANG ASLI KAMPUNG KENANG SUNGAI SIPUT

IPOH – Majlis Agama Islam dan ‘Adat Melayu Perak (MAIPk) telah mengadakan Majlis Penyerahan Van Wakaf di perkarangan Kompleks Islam Darul Ridzuan pada 04 Mei 2016. Majlis dimulakan dengan bacaan doa dan diteruskan dengan ucapan Ketua Pegawai Eksekutif MAIPk, Dr. Amiruddin Bin Muhammed. Yang Dipertua MAIPk, Tan Sri Dato’ Dr Wan Mohd Zahid Bin Mohd Noordin telah menyempurnakan majlis penyerahan van wakaf ini dengan menyerahkan van wakaf kepada Ustaz Haji Halimin Abdollah iaitu Pengetua Sekolah Agama Rakyat Orang Asli Nurul Hidayah, Kampung Kenang Sungai Siput.



Van tersebut adalah sumbangan daripada dana Waqaf Perak Ar-Ridzuan MAIPk yang telah dilancarkan oleh DYMM Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan pada 07 April 2016 yang lalu. Dengan adanya van ini dapat membantu pengangkutan pelajar-pelajar sekolah dari kampung ke sekolah, mengurangkan pengangkutan guru dengan selesa serta membolehkan pelajar melakukan aktiviti-aktiviti luar.

Sekolah Agama Rakyat Orang Asli Nurul Hidayah ini merupakan satu-satunya sekolah agama rakyat yang dibina oleh MAIPk khusus untuk orang asli di Negeri Perak. Setiap tahun MAIPk membelanjakan hampir RM1 juta bagi membiayai kos operasi dan pembelajaran pelajar-pelajar di sekolah tersebut.

## PENYERAHAN CEK WAQAF PERAK AR-RIDZUAN

**Masjid Al-Aqsa,  
Kampung Sungai Ramai,  
Ayer Tawar**

Pada 6 Mei 2016



**Masjid Taman Jati,  
Taman Meru, Ipoh**

Pada 18 Mei 2016



**Masjid Ar-Rahmaniah,  
Kampung Bendang  
Kering, Kuala Kangsar**

Pada 27 Mei 2016





## PROGRAM ZIARAH MAHABBAH SAUDARA KITA DI PERKAMPUNGAN ORANG ASLI POS KEMAR

GERIK – Majlis Agama Islam dan ‘Adat Melayu Perak (MAIPk) telah mengadakan Program Ziarah Mahabbah Saudara Kita di Perkampungan Orang Asli, Pos Kemar, Gerik pada 07 April 2016. Program yang telah berlangsung selama dua hari telah disertai oleh Dr. Amiruddin Bin Muhammed, Ketua Pegawai Eksekutif MAIPk. Program tersebut turut disertai oleh pegawai-pegawai dari MAIPk, JAIPk, Mubaligh Islam, Penggerak Masyarakat, JAKOA Gerik serta wakil media dari RTM dan akhbar Sinar Harian.

Antara program yang diadakan sepanjang program Ziarah Mahabbah ini ialah penyampaian bot kepada Mubaligh dan majlis pernikahan pasangan Orang Asli.

Aktiviti ziarah mahabbah dari rumah ke rumah juga dijalankan bagi menyantuni penduduk Orang Asli. Semasa aktiviti ziarah diadakan, pihak MAIPk telah menyampaikan sumbangan berupa makanan keperluan harian. Selain itu, permainan tradisi masyarakat Orang Asli turut dijayakan dalam program ini. Akhir sekali, pihak MAIPk telah memasang papan tanda Surau Diri Jumaat di Tanah Perkuburan Kg Bal dan Kg Akai. Semoga program lawatan yang dijalankan tersebut mampu memberikan kesan yang positif kepada komuniti Orang Asli Pos Kemar di samping ianya menunjukkan keprihatinan MAIPk terhadap komuniti orang asli walaupun mereka tinggal jauh di kawasan pedalaman.



## ZIARAH RAMADHAN MAIPk KE RUMAH ASNAF

IPOH – Bersempena kedatangan bulan Ramadhan yang mulia, pihak MAIPk mengadakan program Ziarah Ramadhan MAIPk ke rumah-rumah asnaf yang terpilih. Program ini dijayakan oleh Ketua Pegawai Eksekutif MAIPk Dr. Amiruddin Bin Muhammed, pegawai-pegawai kanan dan pegawai-pegawai MAIPk yang telah berkesempatan berkunjung ke sembilan buah rumah asnaf pada 17 Jun dan 21 Jun 2016. Ziarah Ramadhan diadakan bertujuan untuk menyantuni keluarga asnaf di ceruk-ceruk kampung di samping menghulurkan sumbangan bagi menyediakan persiapan meraikan Hari Raya ‘Aidilfitri’ yang bakal tiba.

Dalam Kunjungan ini, pihak MAIPk telah berkesempatan berbuka puasa di kediaman seorang ibu tunggal, Puan Azizah Binti Hussin, menetap di RPT Jelapang Baru dan menyara tujuh orang anaknya yang masih bersekolah. Puan Azizah bekerja sebagai pembantu gerai dan menerima upah sebanyak RM25.00 sehari bagi menampung perbelanjaan harian mereka. Selain itu, rombongan MAIPk turut mengunjungi Rumah Orang-orang Tua (Islam) Titian Abadi yang menempatkan 19 orang warga tua iaitu 11 orang lelaki dan 8 orang wanita.



## MAJLIS PENYAMPAIAN BANTUAN MODAL USAHAWAN ASNAF (MENTOR-MENTEE)

IPOH – Majlis Agama Islam dan ‘Adat Melayu Perak (MAIPk) telah mengadakan Program Penyerahan Bantuan Modal berjumlah RM200 Ribu kepada para peserta Program Mentor-Mentee di bawah Program Pemerkasaan Ekonomi Asnaf. Program ini telah berlangsung di Dewan Al-Ghazali, Kompleks Islam pada 23 Mei 2016. Program ini merupakan satu kerjasama di antara MAIPk dan Koperasi Belia Islam (KBI). Setiap peserta akan menerima Bantuan Modal Pusingan sebanyak RM500.00 dan peralatan perniagaan dalam anggaran RM4,500.00 seorang.

Seramai 40 orang peserta yang berpotensi telah dipilih mengikuti program ini. Mereka telah mengikuti Seminar Keusahawanan Asnaf 2016 yang berlangsung di Hotel Seri Malaysia pada 21 April sehingga 23 April 2016. Mereka ini juga telah mengikuti Kursus Kemahiran Intensif di Pusat Latihan Masakan Koperasi Belia Islam, Nilai 3, Negeri Sembilan yang melibatkan seramai 30 orang bagi

Kursus Pemprosesan Makanan dan di Bandar Baru Bangi seramai 10 orang yang bagi Kursus SPA.

Pihak MAIPk dan KBI akan memberi latihan, tunjuk ajar serta pemantauan secara berkala selama enam bulan bagi memastikan para peserta menjadi komuniti usahawan yang produktif dan kolaboratif. Selain itu, ia dapat memberi nilai tambah kepada produk para peserta untuk pelestarian perniagaan mereka supaya menjadi lebih mantap dan berjaya.

Dalam majlis ini Ketua Pegawai Eksekutif MAIPk Dr. Amiruddin Bin Muhammed telah menyampaikan bantuan modal tersebut kepada para asnaf. Sama-sama kita doakan semoga perniagaan para usahawan ini berjalan lancar dan berjaya seterusnya dapat memberi sumbangan kembali kepada ummah melalui zakat dan infaq.



## SEMINAR KEUSAHAWANAN ASNAF MAIPk

IPOH – Majlis Agama Islam dan ‘Adat Melayu Perak (MAIPk) telah mengadakan seminar Keusahawanan Asnaf MAIPk pada 21 hingga 23 April 2016 di Hotel Sri Malaysia. Seramai 51 orang peserta telah mengikuti seminar ini di mana mereka dipilih untuk mengikuti kemahiran dan kursus insentif yang disediakan oleh pihak MAIPk. Program ini dijalankan melalui Projek Biz Pembangunan Pemerkasaan Ekonomi Asnaf yang melibatkan projek perniagaan secara kecil-kecilan. Mereka ini akan diberi bantuan modal atau peralatan daripada MAIPk dengan nilai anggaran RM5,000.00 beserta latihan dan pemantauan selama enam bulan daripada pihak MAIPk.

Tujuan seminar diadakan untuk memberi pendedahan dan peningkatan ilmu keusahawanan kepada golongan asnaf fakir dan miskin yang ingin ataupun yang telah menceburi bidang perniagaan. Melalui program keusahawanan ini ianya akan memberi peluang kepada mereka untuk meningkatkan pendapatan mereka sekaligus membantu mereka keluar daripada kepompong kemiskinan.

Pihak MAIPk memberi tunjuk ajar kepada para peserta melalui kursus seminar ini dengan kerjasama Koperasi Belia Islam Malaysia Berhad (KBI). Semua asnaf ini mempunyai mentor masing-masing bagi melatih dan membimbing mereka berhubung ilmu keusahawanan. Pada majlis ini juga Ketua Pegawai Eksekutif MAIPk Dr. Amiruddin Bin Muhammed telah menandatangani satu Memorandum Persefahaman (MOU) bersama KBI yang diwakili Ketua Pegawai Eksekutifnya, En. Azman Mohd Salleh.





## MAJLIS PENYERAHAN BANTUAN ASNAF DAERAH HILIR PERAK

TELUK INTAN – Bertempat di Hotel Angsoka, Majlis Agama Islam dan ‘Adat Melayu Perak (MAIPk) telah mengadakan satu Majlis Penyampaian Bantuan Asnaf Daerah Hilir Perak pada 26 Mei 2016. Tujuan majlis tersebut dianjurkan bertujuan merapatkan silaturrahim antara penerima-penerima bantuan dengan pihak MAIPk.

Majlis telah dimulai dengan Taklimat Zakat (Kutipan dan Agihan Zakat) yang disampaikan oleh Ustaz Latif Bin Talib. Majlis diserikan dengan bacaan ayat suci Al-Quran oleh Ustaz Muaz Bin Mahfuzillah. Seterusnya penyampaian bantuan telah disempurnakan oleh Dr. Amiruddin Bin Muhammed, Ketua Pegawai Eksekutif MAIPk. Turut hadir ke majlis tersebut ialah Puan Ramdhatun Ajma Binti Jemail, Ketua Penolong Pegawai Daerah (Pembangunan), wakil daripada Pejabat Daerah dan Tanah Hilir Perak. Turut hadir ialah wakil dari Pejabat Pelajaran Daerah Hilir Perak telah yang diwakili oleh Encik Osmera Bin Jalani dan Pegawai Baitulmal Daerah Teluk Intan.



Antara bantuan-bantuan yang disampaikan ialah Bantuan Persekolahan berjumlah RM79,300.00, Bantuan Pembiayaan Dialisis berjumlah RM2,635,025.00, Bantuan Bina Rumah (Jenis A) berjumlah RM271,000.00, Bantuan Bina Rumah Jenis B berjumlah RM240,000.00, Baik Pulih Rumah berjumlah RM75,000.00, Bantuan Modal berjumlah RM77,240.00 dan Bantuan Am Pelajaran berjumlah RM81,100.00. Semoga dengan bantuan yang disalurkan ini dapat mengurangkan beban para asnaf seterusnya dapat meneruskan kelangsungan hidup dengan lebih baik dan sempurna.

## PROGRAM INDUKSI PELAJAR TAJAAN MAIPk KE LUAR NEGARA

IPOH – Majlis Agama Islam dan ‘Adat Melayu Perak (MAIPk) telah mengadakan Majlis Perasmian Penutupan Program Induksi Pelajar Tajaan MAIPk ke Luar Negara Tahun 2016 pada 28 Mei 2016. Majlis ini dijalankan selama dua hari bermula pada 27 hingga 28 Mei 2016.

Majlis tersebut telah dihadiri dan dirasmikan oleh Dr. Amiruddin Bin Muhammed selaku Ketua Pegawai Eksekutif MAIPk. Turut hadir bersama-sama iaitu Pengurus Besar Bahagian Zakat, Ustaz Bakri Bin Lee dan Pengurus Unit Pembangunan Asnaf, Ustaz Ahamad Muzammil Bin Arbain.

Seramai 66 orang pelajar menerima tajaan MAIPk dengan pecahan 57 orang ke Mesir, lapan orang ke Jordan dan seorang ke Morocco. Pelajar ini akan ditaja sepenuhnya dari segi tiket penerbangan, dan pengajian mereka di sana. Para pelajar yang terpilih menerima RM3,500.00 untuk mengikuti markaz bahasa dan

RM6,500.00 setahun setelah memasuki pembelajaran di peringkat ijazah sarjana muda. Mereka yang terpilih ini adalah pelajar yang memenuhi syarat kelayakan MAIPk yang berdasarkan kecemerlangan akademik.

Dalam Majlis ini juga, MAIPk juga turut meraikan seramai 68 orang pelajar yang tidak memenuhi syarat kelayakan MAIPk di mana separuh tiket penerbangan mereka ini dibayai oleh MAIPk. Selain itu, mereka mendapat bantuan pengajian sebanyak RM3,500.00 setiap tahun serta berpeluang untuk menjadi pelajar tajaan sekiranya mendapat keputusan yang memberangsangkan sepanjang tempoh pengajian.

Semoga amanah yang dipertanggungjawabkan kepada MAIPk dapat membantu para pelajar ini untuk menimba ilmu Allah SWT dengan sebaik mungkin. Pihak MAIPk mendoakan semoga pelajar-pelajar ini istiqamah dan bersungguh-sungguh menuntut ilmu Allah.



# PROGRAM JEJAK ASNAF MANJUNG

**MANJUNG** – Bagi menterjemahkan dan menunjukkan keprihatinan MAIPk terhadap golongan-golongan tidak berasib baik , pihak MAIPk telah mengadakan program jejak asnaf di sekitar kawasan Manjung pada 30 Mei 2016. Program jejak asnaf ini diketuai oleh Pengurus Besar Bahagian Zakat, A.F Ustaz Bakri Bin Lee. Antara lokasi-lokasi yang dilawati ialah seperti berikut :-

## Kulijah Binti Cha



Rumah Puan Kulijah Cha terletak di Lorong Johawaki Batu 15, Lekir. Beliau bermiaga roti canai untuk menampung perbelanjaan kehidupan sehari-hari. Beliau tinggal bersama-sama anak dan dua orang cucu. Suaminya pula menghidapi masalah jantung. Beliau tidak berkemampuan untuk membeli meja menebar roti canai, kerusi dan meja. Semasa lawatan tersebut MAIPk telah menyumbangkan bantuan segera RM200.00 dan juga sumbangan barang dapur. Pihak MAIPk juga telah meluluskan bantuan modal RM10,000 untuk Puan Kulijah.

## Mohammad Tarmudzi Bin Sulaiman



Rumah Encik Tarmudzi bertempat di Kg. Ulu Kayan, Sitiawan. Beliau tidak bekerja dan kaki sebelah kiri beliau telah dipotong bawah paras lutut kerana penyakit kencing manis. Beliau memerlukan kos yang tinggi

akibat terpaksa kerap berulang alik ke Hospital Manjung dan juga penggunaan lampin pakai buang yang digunakan setiap hari. Pihak MAIPk juga telah meluluskan bantuan bulanan RM300.00.

## Sarifudin Bin Muhammad Bukir



Rumah Encik Sarifudin terletak di Batu 14 Lekir, Sitiawan. Beliau bekerja sebagai buruh ladang sawit. Beliau tinggal bersama-sama isteri serta empat orang anak yang semuanya masih bersekolah. Isteri beliau menghidap penyakit jantung. Pihak MAIPk telah mencadangkan bantuan baik pulih rumah kerana memandangkan keadaan bumbung rumah yang sudah banyak yang bocor.

## Nur Rafizah Binti Mohd Rosni



Rumah Puan Rafizah terletak di Batu 14 Lekir, Sitiawan. Beliau bekerja sebagai pemandu lori sawit. Anak bongsu beliau cacat sejak dilahirkan dan memerlukan kos yang tinggi bagi keperluan makanan nestum, susu serta lampin pakai buang. Bantuan yang diterima iaitu daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat sebanyak RM300.00 sebulan. Pihak MAIPk telah menyumbang bantuan kerusi roda bernilai RM4,200 serta bantuan bulanan sebanyak RM250.00 sebulan.

## Mek Binti Karmis



Rumah Puan Mek Karmis terletak di Firma Batu 12 Lekir, Sitiawan. Beliau tidak bekerja kerana keadaan yang uzur dan tidak dapat berjalan. Beliau menjaga seorang cucu yang kematian ibunya. Beliau mendapat bantuan bulanan daripada pihak Jabatan Kebajikan Masyarakat dan pihak MAIPk sebanyak RM300.00. Pihak MAIPk telah meluluskan bantuan kerusi roda bernilai RM380.00.

## Mat Yen Bin Diman



Rumah Encik Mat Yen terletak di Firma Batu 12 Lekir, Sitiawan. Beliau tidak mempunyai pekerjaan tetap dengan bekerja mengambil upah membawa orang kampung ke pekan. Beliau mempunyai seorang anak OKU yang menerima bantuan bulanan Jabatan Kebajikan Masyarakat. Keadaan rumah beliau tidak selamat untuk didiami kerana bahagian atap yang telah banyak bocor, kayu diiring dan bahagian alang banyak telah reput dan lantainya telah melendut. Pihak MAIPk bercadang untuk membaiki rumah Encik Mat Yen ini. Semasa lawatan tersebut MAIPk telah menyumbangkan bantuan segera RM200.00 dan juga sumbangan barang dapur.



## SEBAHAGIAN AKTIVITI SKUAD PRIHATIN ASNAF MAIPk

Sumbangan bantuan kewangan kepada Encik Saifulnizam Bin Shaari di Hospital Permaisuri Bainun pada 04 April 2016.



Sumbangan bantuan kewangan kepada Encik Mohd Hisham Bin Mohd Salim di Desa Pengkalan Bandaraya pada 04 April 2016.



Sumbangan bantuan perubatan kepada Muallaf warga emas di Ipoh pada 12 April 2016.



Sumbangan bantuan kewangan kepada Cik Norazua Binti Sabri di Kg Tersusun Batu 8, Ulu Kinta pada 12 April 2016.



Sumbangan bantuan kewangan kepada Puan Hamidah Binti Pakir Mohamad di Taman Pakatan pada 13 April 2016.



Sumbangan bantuan kewangan kepada keluarga Puan Juma'ayah Binti Sulaiman di Medan Klebang Restu pada 11 Mei 2016.



Sumbangan bantuan kewangan kepada keluarga Encik Faizal Hung Abdullah di Ipoh pada 09 Jun 2016.



Sumbangan bantuan kewangan kepada keluarga Puan Rossila Marzuki di Ulu Kinta, pada 15 Jun 2016.



Sumbangan bantuan kewangan kepada Keluarga Encik Amran di Kg. Sri Kinta, pada 20 Jun 2016.



Sumbangan bantuan kewangan kepada keluarga Puan Nurul Nadia di Ipoh, pada 21 Jun 2016.



Sumbangan bantuan kewangan kepada Puan Zainab Binti Mohd Yusof di Kuala Dipang pada 22 Jun 2016.



Sumbangan bantuan kewangan kepada Hakim Lo Muallaf warga emas di Ipoh pada 30 Jun 2016.



## MAJLIS KHAS PENYERAHAN ZAKAT PERNIAGAAN DAN BERBUKA PUASA BERSAMA PEMBAYAR-PEMBAYAR ZAKAT BAHRU

IPOH – Majlis Agama Islam dan ‘Adat Melayu Perak (MAIPk) telah mengadakan Majlis Khas Penyerahan Zakat Perniagaan dan Berbuka Puasa Bersama Pembayar-Pembayar Zakat Baru yang diadakan pada 28 Jun 2016 bertempat di Lalqila Cafe, Ipoh. Majlis ini diadakan sempena meraikan pembayar-pembayar zakat baharu yang terdiri daripada 16 syarikat Bumiputera dalam Negeri Perak. Majlis yang bermula pada jam 6.00 petang itu diteruskan dengan penyerahan zakat perniagaan daripada wakil-wakil syarikat. Pihak MAIPk diwakili oleh Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Pengurusan), Tuan Mohd Hadi Bin Sulaiman. Turut hadir ke majlis tersebut ialah Pengurus Besar Bahagian Pemasaran, Ustaz Ahmad Nazim Bin Md.Tajuri.

Selesai urusan penyerahan zakat perniagaan kepada pihak MAIPk, Tuan Mohd Hadi Bin Sulaiman dijemput untuk memberi ucapan. Majlis diakhiri dengan majlis berbuka puasa dan pemberian cenderamata kepada

wakil-wakil syarikat. Tahniah diucapkan kepada pembayar-pembayar zakat yang baharu, semoga perniagaan anda terus berkembang maju, berjaya dan diberkati. Pembayar-pembayar zakat baharu terdiri daripada Perbadanan Usahawan Nasional Berhad, Ff Mercu Niaga Sdn Bhd, Qmeltra (M) Sdn Bhd, Pelita Ideal Sdn Bhd, Perfume Barbeza Enterprise, Sakan Travel & Tours Sdn Bhd, Dizmenxion Enterprise, Poliklinik Tanjung Perdana, Koleksi Pakaian Dan Perhiasan Bidadari, Extravaganza Futsal Shop, Ls Photostat & Printing, Kulaan Maju Jaya Enterprise, Madani It Solution, Sns Kembara Utama Sdn. Bhd, Ettijar Enterprise, dan Farmasi Klebang Restu.



## KEM MOTIVASI MUALLAF DI BATU KURAU



BATU KURAU – Majlis Agama Islam dan ‘Adat Melayu Perak (MAIPk) telah mengadakan program Kem Motivasi Muallaf Keluarga Sakinah di Chalet Teratak Afrina pada 6 hingga 8 Mei 2016. Kem motivasi ini diadakan selama 3 hari 2 malam disertai oleh seramai 40 orang yang terdiri daripada 13 keluarga asnaf Muallaf dari Daerah Kampar. Sepanjang program tersebut, peserta telah didedahkan dan berkongsi pelbagai ilmu kekeluargaan seperti penerapan nilai-nilai murni yang disyariatkan Islam dalam

hubungan kekeluargaan, penambahbaikan akhlak dan sahsiah sebagai umat Islam serta peningkatan semangat dan kesedaran tentang hikmah menjadi muslim.

Majlis penutup program ini disempurnakan oleh Ustaz Ahmad Muzammil Bin Arbain, Pengurus Unit Pembangunan Asnaf Bahagian Zakat MAIPk. Dalam ucapannya, beliau berharap agar pengalaman dan ilmu yang diperoleh dari program ini dapat diamalkan oleh peserta. Beliau turut mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua yang terlibat dalam menjayakan Program Kem Motivasi Muallaf Keluarga Sakinah ini.





## LAWATAN TAPAK BAITULRAHMAH DI KAMPUNG GAJAH



- ◆ Ketua Pegawai Eksekutif Dr. Amiruddin Bin Muhamed bersama-sama Bahagian Hartanah dan Pelaburan telah mengadakan lawatan ke tapak bagi pembinaan pusat pengajian Al-Quran yang dikenali sebagai Baitulrahmah.



- ◆ Baitulrahmah ini merupakan cetusan idea dari Ketua Pegawai Eksekutif MAIPk bagi memartabatkan pusat pengajian Al-Quran di Negeri Perak dan diharap mampu menjadi model contoh hub pengajian Al-Quran di Malaysia pada masa hadapan.

## LAWATAN TANAH WAKAF DAN BAITULMAL DI TAIPING



- ◆ Lawatan ini diketuai oleh Ketua Pegawai Eksekutif Dr. Amiruddin Bin Muhamed bersama-sama dengan pegawai-pegawai Bahagian Hartanah dan Pelaburan MAIPk.



- ◆ Tujuan utama lawatan ini ialah untuk mengenal pasti tanah wakaf dan Baitulmal Daerah Taiping yang boleh dimajukan.

# WAKAF DARIPADA SUDUT KESIHATAN

Oleh : Bahagian Hartanah dan Pelaburan

Wakaf merupakan salah satu amalan yang telah lama diperaktikkan oleh umat Islam. Amalan wakaf ini melibatkan pemindahan harta daripada milik persendirian kepada Allah SWT untuk tujuan ibadah. Di samping itu, amalan ini boleh merangkumi pelbagai aspek antaranya sosial, ekonomi, pendidikan, kesihatan dan lain-lain lagi.

Di dalam Al-Quran Allah SWT berfirman yang bermaksud:

*Kamu tidak sekali-kali akan dapat mencapai (hakikat) kebaikan dan kebaktian (yang sempurna) sebelum kamu dermakan sebahagian dari apa yang kamu sayangi. dan sesuatu apa jua yang kamu dermakan maka sesungguhnya Allah mengetahuinya. (Ali-Imran 3:92)*

Ayat Al-Quran menjadi pendorong semangat kepada amalan berwakaf dalam kalangan umat Islam. Para sahabat nabi, apabila mendengar sahaja ayat yang menyeru kepada kebaikan seperti bersedekah dan berwakaf, mereka segera menyerahkan apa yang mereka miliki untuk diserahkan kepada Rasulullah SAW.

Kehidupan sebagai seorang manusia tidak boleh lari daripada soal kesihatan dan perubatan. Malah salah satu daripada cabang maqasid syariah (objektif syariah) ialah kemaslahatan menjaga diri atau jiwa.

"Institusi hospital dalam dunia Islam terus berkembang pesat. Pemerintah dan masyarakat Islam tanpa mengira kedudukan telah membelanjakan harta mereka untuk jalan kebaikan dan mendekatkan diri kepada Allah SWT. Hospital merupakan sebahagian daripada sumbangan kebaikan mereka terhadap masyarakat (Razali Othman, 2013)".

Sejarah kegemilangan tamadun Islam terdahulu menunjukkan banyak hospital wakaf dibangunkan melalui institusi wakaf di Bandar-bandar penting. Menurut Ahmad Taha, dalam terjemahan buku berjudul kedoktoran Islam menyatakan Salehuddin Al-Ayyubi menubuhkan dua buah hospital di Mesir dan di Damsyik dan Ibn Jubair membina dua buah hospital. Sumber lain juga turut menyatakan bahawa terdapat banyak hospital yang dibiayai oleh dana wakaf. Antaranya Hospital Badr Ghulam di Baghdad, Hospital Baghkami yang dibina oleh Amir Abdul Hassan Baghkan (Yukham), Hospital Ikshidid, Mesir dan banyak lagi.

Wakaf memberi sumbangan yang sangat besar dan luas dalam pembangunan sosio ekonomi ummah. Pada hari ini, kita dapat melihat sedikit demi

sedikit transformasi wakaf yang dilakukan oleh pelbagai pihak samaada pihak Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) dan sektor korporat semakin mendapat tempat dalam masyarakat di Malaysia umumnya. Dengan wujudnya sumber wakaf dalam penjagaan kesihatan terutamanya dari sudut pembinaan hospital dan tempat rawatan ini, kebergantungan terhadap dana kerajaan dapat dikurangkan sekaligus dapat membantu mengurangkan beban rakyat yang tidak mampu menampung kos perubatan yang semakin meningkat.

Majlis Agama Islam Dan Adat Melayu Perak (MAIPk) menerusi dana Waqaf Perak Ar-Ridzuan (WPAR) telah mewujudkan tujuh projek dan program di bawah dana tersebut. Salah satunya ialah Pembinaan Pusat Hemodialisis Wakaf. Melihat kepada pertambahan permohonan bantuan zakat untuk pembiayaan perubatan bagi pesakit dialisis, Pusat Hemodialisis Wakaf dirancangkan untuk dibangunkan di setiap daerah dengan tujuan memberi akses dan kemudahan rawatan dialisis bagi menampung keperluan pesakit yang semakin meningkat.

WPAR menetapkan jumlah dana yang diperlukan adalah RM10 juta dan dana terkumpul tersebut akan digunakan untuk pembinaan pusat rawatan, penyediaan kemudahan dan peralatan termasuk mesin dialisis. Usaha ini digerakkan bagi membantu meringankan beban kos rawatan yang semakin meningkat dan sekaligus sebagai usaha murni membantu ummah yang memerlukan.

Projek ini akan dijalankan dengan kerjasama Pusat Perubatan Ar-Ridzuan yang mana mempunyai kemahiran dan pengalaman dalam mengendalikan Pusat Dialisis. Perancangan awal, projek ini akan dilaksanakan di Daerah Manjung dan Teluk Intan.

(bersambung pada keluaran akan datang)



Cadangan Rekabentuk Bangunan Pusat Dialisis Wakaf



# BERITA SANA-SINI



MAJLIS TANDATANGAN MOU ANTARA MAIPk DENGAN ABM  
PADA 15 APRIL 2016



PENYERAHAN ZAKAT PERNIAGAAN TENAGA NASIONAL  
BERHAD PADA 15 MEI 2016



KAUNTER ZAKAT MAIPk DI MINGGU SAHAM AMANAH  
MALAYSIA 2016 DI TAPAH PADA 22 HINGGA 28 APRIL 2016



CERAMAH PERDANA "REZEKI BERTAMBAH DENGAN  
BERWAKAF" DI KAMPAR PADA 19 MEI 2016



MAJLIS ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG MAIPk  
PADA 04 MEI 2016



MAJLIS PENYAMPAIAN BANTUAN HARI RAYA DAN SAGUHATI  
ZAKAT FITRAH MASJID DAERAH KINTA PADA 24 JUN 2016



PENYERAHAN ZAKAT PERNIAGAAN TELEKOM MALAYSIA  
PADA 15 MEI 2016



PERHIMPUNAN BULANAN MAIPk PADA 29 JUN 2016

## *Wasiat Raja-Raja Melayu*

*Wasiat Raja-Raja Melayu merujuk kepada 7 wasiat yang disampaikan semasa Raja-Raja Melayu semasa menurunkan tandatangan persetujuan pembentukan Persekutuan Tanah Melayu pada 5 Ogos 1957 itu ialah :*

1. Kami namakan dan kami panggil dia, bumi yang kamu pijak dan langit yang kamu junjung PERSEKUTUAN TANAH MELAYU (sekarang dikenali dengan nama Malaysia).
2. Kami isytiharkan dan kami simpan untuk kamu dan kami benarkan kamu isytihar dan simpan untuk anak cucu kamu, selain gunung-ganang, tasik dan hutan simpan, TANAH SIMPANAN MELAYU sehingga nisbah 50 peratus, selebihnya kamu rebutlah bersama-sama kaum lain.
3. Bagi menjaga kamu dan bagi melindungi anak cucu kamu serta harta hak milik kamu, kami tubuhkan REJIMEN ASKAR MELAYU selain untuk membanteras kekacauan dalam negara dan ancaman dari luar negara.
4. Kamikekalkan dan kami jamin Kerajaan dan Kedaulatan RAJA-RAJA MELAYU memerintah negara ini.
5. Kami isytiharkan ISLAM adalah Agama Persekutuan.
6. Kami tetapkan bahasa kebangsaan ialah BAHASA MELAYU.
7. Kami amanahkan dan kami pertanggungjawabkan kepada Raja-Raja Melayu untuk melindungi KEDUDUKAN ISTIMEWA ORANG MELAYU dan KEPENTINGAN SAH KAUM-KAUM LAIN. (Kemudian ditambah kedudukan istimewa anak negeri Sabah dan Sarawak).



**Ar-Ridzuan**  
Hospital Merdeka Shahadah

PERIODE SAH:  
**15 JUN 2016** SEHINGGA **30 JUN 2017**



**Pakej BERSALIN NORMAL BILIK SEORANG**

**RM 2000**

A-1, Greentown Suria, Jalan Dato' Seri Ahmad Said, 30450 Ipoh, Perak Darul Ridzuan.  
Tel : 05-242 1111, Faks : 05-241 1110, email : [info@arridzuan.com](mailto:info@arridzuan.com)

www.arridzuan.com  
[www.facebook.com/  
kumpulanperubatan.arridzuan](https://www.facebook.com/kumpulanperubatan.arridzuan)